

TARIKH	29 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	51	RUANGAN	Nasional

Kerajaan Johor biaya 366 jemaah tunai haji

JOHOR BAHRU – Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman mengumumkan seramai 366 jemaah haji dibiayai Kerajaan Negeri pada tahun ini dengan keseluruhan peruntukan sebanyak RM1.8 juta.

Menurutnya, bagaimanapun jumlah keseluruhan rombongan menjadi 484 kerana termasuk dengan jemaah haji yang pergi dengan biaya sendiri melibatkan isteri, suami, bapa, ibu dan anak.

"Saya difahamkan lebih 3,000 rakyat negeri ini akan mengerjakan rukun Islam yang kelima ini pada tahun ini dan seramai 118,970 yang masih berada dalam daftar senarai menunggu dengan Tabung



Abdul Ghani (dua, kiri) beramah-mesra dengan Asnah Ariffin dan suaminya, Nasir Md Saat.

Haji.

"Tabung Haji juga menyumbang lebih RM1 juta kerana kalau diikutkan kos seorang jemaah lebih RM12,000, tapi Tabung Haji hanya me-

ngenakan bayaran RM9,000 untuk setiap jemaah," katanya pada Majlis Perjumpaan Menteri Besar Dengan Bakal Haji Rombongan Kerajaan Johor, semalam.

Sementara itu, sepasang suami isteri menyambut berita gembira terpilih ke Tanah Suci Makkah melalui pembiayaan Kerajaan Negeri dengan sujud syukur kepada ALLAH.

Pesara Jabatan Kerja Raya (JKR), Hassan Yunus, 75, berkata, hasrat ke Tanah Suci sudah lama dipendamkan apabila dimaklumkan gilirannya akan tiba lebih kurang 20 tahun lagi.

"Pakcik bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana memberi peluang kepada kami menunaikan haji kerana kalau diikutkan giliran melalui Tabung Haji mungkin pakcik sudah tidak ada lagi di dunia ini," katanya.